NAGALINGAM SEERANGAN & YANG LAIN

lwn.

TIMBALAN PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
PEH SWEE CHIN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 9 TAHUN 1985]
29 SEPTEMBER 1990

PROSEDUR JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Pembelaan 'duress' - Akta Dadah Berbahaya 1952 s. 39B(1)(a) - Kanun Keseksaan s. 94.*

Ketiga-tiga orang yang tertuduh (YT) telah dituduh mengedar dadah berbahaya bertentangan dengan s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta berkenaan). Mereka telah ditangkap oleh polis pada 18 Disember 1984 di satu rumah kosong di ladang getah dalam Daerah Tanjung Rambutan, Ipoh. Setelah ditangkap, mereka telah dibawa ke Balai Polis. Sebanyak 254 kartus mengandungi ganja telah diserahkan kepada seorang Inspektor Halim sebagai barang kes.

Di akhir kes pihak pendakwa, Mahkamah mendapati ada satu kes *prima facie* terhadap YT dan mereka telah diminta membela diri. Dalam keterangan mereka, ketiga-tiga YT telah mengatakan bahawa ganja yang dirampas itu bukan milik mereka. Mereka mengatakan bahawa mereka dipaksa bekerja menggulung ganja oleh seorang samseng bernama Seemal dengan bayaran RM10 sehari. Mereka mengatakan ada sebilah pedang yang mempunyai kuasa ajaib yang melindungi mereka. Mereka mengatakan bahawa pada mulanya mereka tidak mahu membuat kerja itu tetapi setelah Seemal mengugut akan membunuh mereka dan menghapuskan keluarga mereka, mereka merasa takut lalu bersetuju mengikut kehendak Seemal itu. Mereka juga mengatakan bahawa jika mereka lari dari tempat kerja itu, mereka akan ditembak oleh Seemal.

Diputuskan:

[1] Adalah memadai bagi orang yang menjumpai satu barang di tempat kejadian untuk mengemukakannya dan mencamkan di Mahkamah. Tidak perlu baginya untuk menjamin ketiadaan lubang (gap) dalam keterangan mengenai barang itu.

[2] Sebagai satu pembelaan di bawah s. 94 Kanun Keseksaan, dures menghendaki, sebagai syarat penting, bahawa orang yang melakukan perbuatan itu tidak meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu. Dalam kes ini, YT telah meminta kerja dari Seemal dengan penuh sedar tentang reputasi Seemal sebagai seorang samseng. Oleh sebab mereka telah meletakkan diri mereka dalam keadaan itu dengan kemahuan mereka sendiri, mereka telah gagal membuktikan kewujudan dures.

[3] Mengikut keterangan pihak pendakwa, pada hari YT ditangkap, Seemal tidak kelihatan langsung. Malahan, mengikut siasatan polis, pada hari itu Seemal tidak kelihatan di mana-mana tempat dalam kawasan Tanjung Rambutan. Oleh itu, Mahkamah berpuashati bahawa cerita YT kononnya Seemal memaksa mereka menggulung ganja itu dengan ugutan kematian dengan serta-merta adalah satu cerita rekaan.

[4] Mengenai hujah YT bahawa barang kes tidak ditimbang oleh polis untuk menentukan beratnya, Mahkamah memutuskan bahawa pihak polis tidak diwajibkan menimbang ganja itu.

[5] YT telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah atas kes pendakwa dan oleh itu sabit kesalahan mereka. Mahkamah tiada pilihan lain dari menjatuhkan hukuman mati ke atas mereka.

[Yang tertuduh dihukum mati.]

Kes yang dirujuk:
Su Ah Ping v. PP [1980] 1 MLJ 75

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 39B(1)(a), B(2)
Penal Code, s. 34, 94

Bagi pihak tertuduh no. 1 - H.L. Sharma
Bagi pihak tertuduh no. 2 - Anthonysamy
Bagi pihak tertuduh no. 3 - Gurbachan Singh
Bagi pihak pendakwa raya - Mohd. Zaki Mohd. Yassin, Timbalan Pendakwa Raya

PENGHAKIMAN

Peh Swee Chin H:

Yang tertuduh dituduh dengan pertuduhan seperti di bawah:

> That you, jointly, on 18 December 1984 at about 1 p.m. at an unoccupied house in the Southward Area, Tanjong Rambutan, Perak, in the State of Perak, on your own behalf, did traffic in a dangerous drug, to wit, cannabis weighing 450.74 grams, in contravention of s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 30 of 1952 (Laws of Malaysia Act 234) and that you have thereby committed an offence punishable under section 39B(2) of the same Act, to be read together with section 34 of the Penal Code.

Secara ringkas, cerita pihak pendakwa adalah begini. Kopral Mahiyuddin bin Mat Saad dari Balai Polis Tanjong Rambutan, Ipoh, pada 18 Disember 1984 bertugas meronda bersama-sama dengan Konstable Omar bin Saad, dengan menaiki basikal masing-masing. Pada lebih kurang pukul 1 petang, mereka sampai di satu rumah kosong di satu ladang getah. Dia nampak tingkap di sebelah kanan rumah kosong itu terbuka. Dia nampak seorang India duduk di dalam dengan belakang badannya menghala Kopral Mahiyuddin. Mereka berdua pun menghampiri tingkap itu secara diam-diam. Dia pun nampak 2 orang lelaki India lagi, duduk bersama-sama dengan orang India yang dilihat terlebih dahulu daripada kedua-dua orang ini. Jarak antara satu sama lain ialah 2 kaki, dan ketiga-tiga orang itu dilihat sedang menggulung sesuatu yang disyaki ganja. Dia pernah menengok ganja dulu. Kpl. (kini Sarjan) Mahiyddin menyerbu masuk ke dalam rumah itu melalui pintu depannya. Dia masuk terus ke bilik di mana dia nampak ketiga-tiga lelaki India itu tadi. Bilik itu pun tidak dikunci, apabila dia memasuki bilik itu, ketiga-tiga orang itu tidak ada lagi duduk atas pelantaran dalam bilik itu sepertimana mereka dilihat tadi. Dia menjumpai 4 peket di atas pelantaran itu. Dia pun mengeluarkan kata-kata begini tiga kali, "Polis, keluar, serah diri". Pada masa itu, dia dan Konstable Omar tidak berpakaian seragam, tetapi membawa senjata api masing-masing. Kemudian, salah seorang daripada mereka keluar dari bawah pelantaran itu. Namanya dikenali sebagai Elangovan, dan dia dicamkan sebagai Y.T. No. 2. Y.T. No. 2 memberitahunya orang-orang yang lain itu telah melarikan diri. Dia tidak percaya dan dengan itu dia sendiri mencari mereka. Dia pun suruh mereka keluar. Seorang lagi keluar dari bawah pelantaran itu dan Y.T. No. 3 dicamkan sebagainya; (iaitu Mohan Singh a/l Krithar Singh). Semasa kesemua mereka hendak meninggalkan bilik itu, Kopral Mahiyuddin terdengar bunyi sesuatu benda jatuh, datangnya dari bawah pelantaran itu. Dia mensyaki seorang lagi masih di bawah pelantaran itu. Dia cuba mencarinya dan seorang lagi lelaki India pun keluar dari bawah pelantaran itu. Y.T. No. 1 dicamkan sebagainya (iaitu Nagalingam a/l Seerengam). Cuma Y.T. No. 3 digari, kerana cuma ada satu pasang gari pada kedua-dua polis itu. Y.T. No. 1 dan No. 2 diikat dengan tali. Pelantaran itu adalah setinggi 3 kaki. Semasa dia menyuruh mereka menyerah diri, dia tidak dapat melihat ke dalam pelantaran

itu kerana ia mendapatinya sangat gelap. Semasa dia nampak mereka menggulung benda yang disyaki ganja itu, dia nampak mereka dengan terang. Masa itu ialah pukul 1.15 petang. Barang-barang yang dijumpai di atas pelantaran itu ialah 2 peket iaitu bungkusan kertas warnanya coklet muda atau agak keperang-perangan. Kedua-dua bungkusan atau peket ini mengandungi benda yang disyaki ganja. Satu peket lagi yang dijumpai dibalutkan oleh keratan suratkhabar Tamil bertarikh 17 Mac 1984, dan ia mengandungi benda yang disyaki ganja. Satu lagi peket ialah peket plastik warnanya putih (lutsinar) yang mengandungi 254 kartus yang mengandungi juga benda yang disyaki ganja. Dijumpai juga ialah satu gunting dan 2 keping kertas berwarna agak keperang-perangan, yang besar, sebilah pedang samurai, satu talisman berbentuk loket. Kesemua mereka pun pergi ke Balai Polis. Setibanya, semua barang kes pun diserahkan kepada Insp. Halim, Inspektor kawasan. Kopral pun membuat laporan polis, 1605/84 (Tg. Rambutan). Di pejabat Insp. Halim, dia telah membilang kartus-kartus itu dan mereka didapati berjumlah 254. Rumah itu (tempat kejadian) ialah kepunyaan seorang taukeh di Sg. Siput Utara. Pada hari Thaipusam pada tahun 1984, dia pernah melihat rumah itu yang kosong pada masa itu. Dia telah mendapat maklumat bahawa rumah itu telah digunakan oleh satu kumpulan penagih dadah. Apabila dia memperhatikan mereka menggulung sesuatu yang disyaki ganja selama 1 minit, jaraknya daripada mereka ialah 2 kaki. Dua daripada tiga orang itu dikenalinya. Mereka ialah yang tertuduh-yang tertuduh pertama dan kedua dan dia pernah nampak mereka di Southward, Tg. Rambutan. Bila dia dan Konstable Omar menghampiri rumah itu, mereka berjalan kaki kerana mereka meninggalkan basikal-basikal mereka di satu tempat, jaraknya dari rumah itu ialah 1/2 batu. Dia tidak nampak apa-apa katil di rumah itu. Dia dan rakannya berada di dalam rumah itu selama 15 minit. Dia menjumpai batang-batang mancis (match sticks) dan daun-daun nipah. Dia menemui PPP Yeow (yang dicamkan) yang menjadi pegawai penyiasatan dalam kes ini. Semua barang kes diserahkannya kepada PPP Yeow, dan Insp. Halim pun hadir pada masa itu. Dia tidak pernah melihat Y.T. No. 3 dahulu.

Apabila disoalbalas, dia setuju bahawa rumah itu terdapat dalam sebuah ladang getah dan rumah itu dikelilingi oleh pokok-pokok getah, dan sangat sedikit matahari memasuki rumah itu. Tingkapnya yang terbuka adalah setinggi 4 1/2 kaki, dan lebarnya ialah 4 kaki. Adalah tidak terlalu gelap dalam rumah itu walaupun sinar matahari tidak dapat menembusinya. Ada terdapat satu pintu sahaja, iaitu pintu depan itu. Ketiga-tiga Y.T. tidak boleh melarikan diri kerana tingkap itu dipasang dengan besi bersilang. Apabila dia dan Konstable Omar menyerbu masuk, tidak ada sesiapa selain daripada ketiga-tiga itu, meninggalkan rumah itu melalui pintu itu. Apabila dia tengok ke dalam di bawah pelantaran itu, dia tidak dapat melihat ke dalam. Bila ditunjuk sekeping gambar atau foto, dia berkata dia dapat melihat ke dalam di foto ini. Ketiga-tiga lelaki India itu nampak dia dan Konstable Omar; mereka memandang ke muka pelantaran. Kopral Mahiyuddin dan Konstable Omar membuat bunyi bila menolak pintu depan itu untuk menyerbu masuk. Bila mereka memasuki bilik itu, ketiga-tiga orang itu tidak ada atas pelantaran, dan dia percaya mereka menyembunyikan diri. Y.T. No. 2 duduk dengan belakangnya menghala dia bila dia nampak pada mulanya.

Apabila disoalbalas lanjut, dia berkata dia pernah menemui seorang bernama Seemal yang telah ditangkap polis berkali-kali kerana bergaduh dengan orang-orang lain. Dia bekerja sendiri. Dia ada terima maklumat bahawa Seemal itu adalah seorang pengedar dadah, dan maklumat ini belum disahkan. Sesudah Y.T.-Y.T. ditahan, Seemal masih dilihat. Seemal menyembunyikan diri sejak itu, kerana dia cuma nampak Seemal sekali sahaja, berhubung dengan satu kes pergaduhan apabila dia cuba menyerahkan supina padanya, dan dia diberitahu bahawa Seemal belum balik.

Di tempat kejadian, dia tidak nampak 2 buah motosikal, Sebelum dan sesudah mereka meninggalkan basikal-basikal mereka 1/2 batu dari rumah itu, mereka tidak nampak sesiapa pun selain daripada ketiga-tiga yang tertuduh. Sukar untuk orang menyembunyikan diri di situ, kerana tidak ada lalang. Dia tidak tahu sama ada orang lain selain daripada semua yang tertuduh, yang telah melarikan diri dari tempat kejadian. Dia tidak tahu sama ada terdapat pokok-pokok dan di belakangnya, seseorang dapat menyembunyikan diri. PPP Yeow menyuruhnya memberi keterangan mengikut percakapan daripadanya ke ASP Yeow. Dia pun menghafal percakapannya. Terdapat 4 bilik di rumah itu, dia memasuki bilik yang berkenaan sahaja. Dia dapat melihat yang tertuduh itu dengan jelas semasa dia mengintai mereka dari luar. Sebelum tangkapan Y.T. No. 3, dia tidak pernah melihat Y.T. No. 3. Dia mengenali orang yang duduk dengan belakangnya menghala dia. Konstable Omar berada di sampingnya.

Dia menyatakan bahawa pintu itu ialah pintu besar. Dia nampak ketiga-tiga yang tertuduh menggulungkan benda yang disyaki ganja.

Selain daripada keterangan Kopral Mahiyuddin yang tersebut di atas, terdapat keterangan lain yang mencukupi mengenai bungkusan-bungkusan yang berkenaan telah dibuktikan sebagai ganja dan barang-barang kes yang dijumpai di tempat kejadian pun telah dikemukakan ke Mahkamah dan tuan punya ladang getah itu pun datang kemari untuk menerangkan bahawa rumah itu setahu dia kosong.

Di akhir kes pihak pendakwa, Mahkamah ini pun puashati bahawa satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak pendakwa dengan jayanya dan kesemua yang tertuduh telah dipanggil untuk membela diri masing-masing. Semua yang tertuduh mengaku mereka ada menggulung ganja di rumah kosong itu sebelum ditangkap, ini adalah jelas dari keterangan mereka.

Dalam keterangannya, mereka menyatakan bahawa mereka telah pun menemui Seemal yang dipercayai oleh mereka sebagai penjahat yang terkenal. Seemal menawarkan satu pekerjaan pada mereka dengan bayaran RM10 sehari. Ketiga-tiga yang tertuduh pun menerima pekerjaan yang ditawarkan. Ketiga-tiga mereka itu bersama-sama dengan Seemal telah menaiki 2 buah motosikal pada keesokan harinya ke rumah kosong tersebut. Mereka disuruh Seemal meletakkan motosikal-motosikal di anjung rumah itu. Mereka disuruh duduk di atas pelantaran di bilik itu. Seemal menunjukkan daun-daun kering yang Seemal katakan adalah ganja dan berkeping-keping kertas berwarna coklat muda dan gunting-gunting. Seemal juga menunjukkan sebilah pedang dengan satu talisman terikat padanya. Yang tertuduh pertama memberitahu bahawa mereka takut membuat kerja seperti ini. Seemal memberitahu bahawa pedang itu mempunyai kuasa banyak (ajaib) dan akan melindungi mereka. Semua yang tertuduh pun tidak mahukan kerja itu. Kemudian Seemal telah mengeluarkan sepucuk pistol dan menakutkan mereka. Seemal menyatakan bahawa jika mereka enggan membuat kerja itu, dia akan tembak mereka, dan jika sesiapa beritahu orang lain tentang hal ini, dia akan hapuskannya dan keluarganya. Dia menyuruh mereka menggulungkan dan dia menunjukkan caranya menggulungkan ganja. Seemal kemudian memberi rokok ganja untuk dihisap. Dia memberitahu sekiranya mereka terdengar bunyi orang menjejak kaki (iaitu orang lain datang), mereka harus menyembunyikan diri di bilik di hujung sekali. Mereka pun menggulung ganja. Kemudian, mereka pun terdengar bunyi jejak kaki orang, mereka pun pergi ke bilik tersebut dan menyembunyikan diri di bawah pelantaran. Terdengar orang masuk dan membengkokkan diri ke bawah pelantaran di mana mereka sedang menyembunyikan diri masing-masing dan menjerit "keluar, keluar". Yang tertuduh kedua dan yang tertuduh ketiga pun keluar. Kemudian orang yang menjerit itu dan Y.T. kedua dan Y.T. ketiga pun meninggalkan bilik itu. Yang tertuduh pertama, secara kebetulan memandang sebuah tin di bawah pelantaran itu. Kopral Mahiyuddin menjerit lagi: "Apa bunyi? keluar". Dia pun keluar dari bawah pelantaran itu. Mereka pun

ditangkap oleh 2 orang polis itu. Ganja itu bukan kepunyaan mereka (ketiga-tiga itu). Dia menghisap sedikit rokok ganja itu yang diberikan oleh Seemal tadi, dan dia rasa dia hendak muntah dan bingung. Rasa ini wujud selama 1 jam semasa dia menggulung ganja. Dia boleh melihat sejauh jarak lebih kurang dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Sesyen (lebih kurang 100 kaki). Masa dia terdengar bunyi jejak kaki, jendela di situ terbuka. Jikalau dia enggan menggulung ganja, sudah tentu Seemal akan membunuhnya. Badan Seemal besar. Semua orang di Southward pun sedia maklum bahawa Seemal adalah seorang samseng besar.

Dia berkata semasa mereka menggulung ganja, Seemal pun bersama-sama berbuat demikian. Kemudian dia pun keluar dan Seemal beritahu mereka jika sesiapa beritahu orang lain tentang Seemal, Seemal akan hapuskannya.

Apabila disoalbalas Timbalan Pendakwa Raya, dia menerangkan lagi bahawa dia menganggur selama sebulan sebelum dia buat kerja untuk Seemal. Ayahnya seorang kaki botol; dan ibunya adalah seorang attendan atau orang gaji di hospital. Dia meninggalkan kerja di reban ayam sebelum tawaran daripada Seemal, kerana reban ayam itu sangat berbau busuk. Dia tidak memberitahu polis tentang Seemal. Dia menerima tawaran dari Seemal kerana dia perlukan kerja dan Seemal berkata dia akan beri perlindungan, dan dia perlukan wang untuk membayar wang ansuran-ansuran berkenaan dengan motosikalnya. Dia mempunyai telivisyen dan dia tahu akibat dari pengedaran dadah. Dia tidak suka akan kerja itu. Dia berkata dia menggulung ganja kerana dures (duress). Seemal telah masuk keluar dari bilik itu berkali-kali dan kali terakhir Seemal keluar adalah 5 minit sebelum mereka ditangkap. Sebenarnya Seemal tidak meninggalkan rumah itu, dia pergi ke pintu depan. Dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 1.00 petang, mereka tidak dapat melarikan diri, kerana Seemal mengugut mereka sepanjang masa. Seemal keluar selama 5 minit, mereka merasa takut dengan ugutan hendak menghapuskan mereka dan keluarga-keluarga mereka. Tidak benar, mereka menggulung ganja untuk wang ringgit, tetapi kerana mereka diugut. Dia berkata lagi jika mereka cuba melarikan diri, Seemal akan tembak mereka.

Yang tertuduh kedua pun memberi keterangan serupa dengan keterangan Y.T. pertama, cuma keterangannya pendek sedikit jika dibandingkan dengan keterangan Y.T. pertama yang panjang.

Apabila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya, dia juga tidak memberitahu polis tentang Seemal kerana ugutan Seemal. Dia menafikan bahawa cerita Seemal adalah suatu rekaan sesudah ditangkap. Dia menafikan motif untuk menggulung ganja adalah kerana duit.

Yang tertuduh ketiga memberi keterangan secara ringkas. Dia setuju dengan keterangan yang telah diberi oleh Y.T. pertama.

Apabila disoalbalas oleh Timbalan Pendakwa Raya, dia mengaku dia menggulung ganja dan dia tahu akibat dari pengedaran dadah. Dia tidak melarikan diri kerana Seemal telah menunjukkan pistolnya kepadanya. Dia tidak beritahu polis yang dia takut pada masa itu.

Bekas TPP Hargreaves yang telah dipanggil sebagai saksi pembelaan menyatakan adalah benar bahawa Encik Anthonysamy, salah seorang daripada Peguam-Peguam pembelaan ada memberitahunya selepas penangkapan yang tertuduh-yang dalam kes ini bahawa Seemal terbabit dalam kes ini. Dia menyiasat perkara ini, dan tidak sampai ke mana-mana, (iaitu penyiasatannya tidak berhasil).

Kopral Mahiyuddin pun telah dipanggil balik untuk disoalbalas lebih lanjut oleh pembelaan. Dia setuju bahawa pada 15 Ogos 1989 apabila kes ini bermula dia membuat komplain atau merungut dengan kata-kata pahit tentang barang-barang kes ini. Kemudian daripada itu dia

kata dia bingung (confused) kemudian dia jawab lagi dia tidak merungut begini. Dia berkata dia tidak pernah merungut tentang barang-barang kes ini. Dia menyatakan bahawa dia tadi salah mengerti soalan peguambela. Dia tidak bersetuju bahawa dia pernah beritahu Insp. Yussuf dari Balai Polis Pasir Puteh Ipoh bahawa barang-barang kes ini telah diganggu atau "tampered with" dan dia tidak akan hairan jikalau Insp. Yussuf datang ke Mahkamah.

Apabila disoalbalas, dia menerangkan dia menjumpai 254 kartus yang telah dikemukakan ke Mahkamah.

Lance Kopral Che Omar, yang telah dipanggil sebagai saksi pembelaan menyatakan bahawa pada 15 Ogos 1989 dia datang ke Mahkamah bersama-sama Kopral Mahiyuddin. Dia berkata bahawa Kopral Mahiyuddin tidak bertemu dengan Insp. Yussuf pada hari itu. Dia menaiki kereta Kopral Mahiyuddin. Dia tidak ingat Kopral ada merungut tentang barang-barang kes.

Hujah-hujah yang dikemukakan oleh ketiga-tiga peguambela dan keputusan-keputusan atau komen-komen Mahkamah adalah seperti berikut.

Pertama, mengikut kes pembelaan, adalah diragukan tentang barang-barang kes ini yang telah dikemukakan ke Mahkamah bukanlah barang-barang kes yang dijumpai sebenarnya di rumah yang berkenaan itu, oleh kerana:

(a) Kopral Mahiyuddin pernah merungut kepada seorang bernama Insp. Yussuf;

(b) Kopral Mahiyuddin berkata dia serahkan barang-barang kes kepada Insp. Halim, dan kemudian dia berkata dia serahkan barang-barang kes kepada PPP Yeow, dan Insp. Halim pun berkata bahawa Kopral Mahiyuddin adalah orang yang menyerahkan barang-barang kes kepada PPP Yeow jadi terdapatlah percanggahan dalam keterangan mengenai penyerahan barang-barang kes kepada PPP Yeow;

(c) Tidak diketahui di manalah barang-barang kes disimpan semasa PPP Yeow pergi ke tempat kejadian. Penjaga setor (storekeepr) tidak dipanggil menjadi saksi tentang barang-barang kes. Terdapatlah lubang (gap) dalam keterangan. Siapa yang menjaga barang-barang kes sesudah PPP Yeow pulang dari tempat kejadian antara pukul 2.30 petang hingga pukul 4.00 petang di mananya barang-barang kes itu.

Mengikut Timbalan Pendakwa Raya, PPP Yeow menerima barang-barang kes setibanya di balai polis Tg. Rambutan, dia telah camkan sampul-sampul surat dan isinya dan sampul-sampul surat pun telah ditandatanganinya. Kemudian dia bawa barang-barang kes itu ke pejabatnya untuk disimpan di tempat yang berkunci sebelum mereka dibungkuskan, meterikan dan dihantar kepada ahli kimia kecuali pedang itu.

Kopral Mahiyuddin yang menjumpai barang-barang kes telah pun mengemukakannya dan camkan mereka di Mahkamah sebagai barang-barang yang dijumpai di tempat kejadian.

Di Mahkamah Persekutuan dalam kes *Su Ah Ping v. PP* [1980] 1 MLJ 75, adalah diputuskan bahawa adalah mencukupi untuk orang yang menjumpai sesuatu barang di tempat kejadian mengemukakannya dan mencamkan di Mahkamah dan tidak perlu untuk menjamin ketiadaan lubang atau "gap" dalam keterangan mengenai barang tersebut. Dalam kes ini, begitulah juga, pada pendapat saya. Sayugia diingat bahawa tidak pernah diminta di mana-mana Mahkamah 100% bukti. Jika begitu undang-undang pun telah gagal memberi perlindungan kepada masyarakat kita.

Pembelaan utama daripada kesemua yang tertuduh ialah dures (duress) sebagaimana yang ditimbulkan dan disebutkan oleh peguambela-peguambela. Dures dalam Kanun Keseksaan, menjadi s. 94 seperti berikut:

Seksyen 94. Kecuali kesalahan membunuh orang dan kesalahan-kesalahan yang termasuk dalam Bab 6 yang boleh diseksa dengan bunuh, tidaklah menjadi kesalahan apa-apa juga yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa melakukannya oleh ugutan yang, tatkala melakukannya, munasabah menyebabkan ketakutan bahawa jika tidak dilakukan, akibatnya ia akan mendapat kematian serta-merta. Dengan syarat bahawa orang yang melakukan perbuatan ini tidak meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu, sama ada dengan kemahuannya sendiri, atau oleh kerana suatu ketakutan yang munasabah akan apa-apa kerosakan kepada dirinya selain dari kematian serta-merta.

Huraian 1 - Seseorang yang masuk kumpulan perompak dengan mengetahui watak mereka, dengan kemahuannya sendiri, atau oleh sebab ugutan akan dipukul, tidaklah berhak mendapat faedah daripada pengecualian ini atas alasan yang ia telah dipaksa oleh perompak-perompak yang ia sekutui itu melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang.

Huraian 2 - Seorang yang ditangkap oleh kumpulan perompak, dan dipaksa dengan ugutan kematian serta-merta supaya melakukan sesuatu perkara yang menjadi kesalahan di sisi undang-undang - umpamanya, seorang tukang besi yang dipaksa mengambil perkakas-perkakasnya dan memecahkan pintu sebuah rumah untuk kumpulan perompak itu masuk dan merompak - adalah berhak mendapat faedah daripada pengecualian ini.

Huraian 1 di atas adalah suatu contoh yang menjelaskan makna kata-kata tertentu dalam definisi iaitu "Dengan syarat bahawa orang yang melakukan perbuatan itu tidak meletakkan dirinya dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu, sama ada dengan kemahuannya sendiri, atau oleh kerana suatu ketakutan yang munasabah akan apa-apa kerosakan kepada dirinya lain dari kematian serta-merta."

Andainya buat sementara ini keterangan daripada ketiga-tiga Y.T. boleh dipercayai atau terima, biar kita tengok sejauhmana s. 94 boleh digunakan.

Sebelum semua ketiga-tiga yang tertuduh bertemu dengan Seemal di mana Y.T. pertama telah minta kerja daripada Seemal bagi pihak diri sendiri dan yang tertuduh-yang tertuduh yang lain, merekapun sudah menyedari reputasi Seemal sebagai seorang samseng atau penjahat terkenal. Kesemua mereka menyatakan demikian. Pada keesokan hari, kesemua merekapun menggulung ganja di rumah itu sepertimana yang diperhatikan oleh Kopral Mahiyuddin dan Konstable Omar. Akibatnya syarat tersebut pada s. 94 telah dipatuhi iaitu, mereka telah meletakkan dirinya dalam keadaan itu yang menjadikannya tertakluk paksaan daripada Seemal dengan kemahuannya sendiri. Mereka gagal membentuk (to establish) pembelaan duress.

Suatu hal lagi tentang dures ini. Semasa Kopral Mahiyuddin dan rakannya mengintai ketiga-tiga yang tertuduh menggulung ganja atas pelantaran itu, orang keempat atau Seemal tidak dilihat langsung. Sebenarnya Seemal tidak dilihat pada hari itu di mana-mana di kawasan Tanjong Rambutan sungguhpun Kopral Mahiyuddin memang mengenal Seemal. Mahkamah berpendapat keterangan Kopral Mahiyuddin adalah benar dan boleh diterima.

Kesimpulan dari fakta-fakta tersebut di atas, ialah cerita Seemal yang memaksa mereka menggulung ganja dengan ugutan kematian dengan serta merta adalah cerita rekaan.

Andainya Seemal pernah mengugut dan memaksa mereka berbuat demikian, tetapi pada masa mereka dilihat menggulung ganja, kerana Seemal tidak hadir, mereka bukanlah pada masa itu menghadapi risiko kematian serta merta. Pembelaan di bawah s. 94 pun tidak dapati digunakan oleh sebab ini juga.

Lagipun mereka sedia sedar akan akibat dari pengedaran dadah dari segi undang-undang, dan kesemua mereka menyatakan mereka mahukan wang dan kerja; adalah sangat kurang menyakinkan atau tidak mungkin mereka benar-benar dipaksa dengan risiko kematian serta-merta.

Ada hujah daripada pihak pembelaan lagi iaitu, barang-barang kes yang disyaki sebagai ganja tidak ditimbangkan oleh polis tentang beratnya. Yang tertuduh-yang tertuduh mesti diberitahu beratnya supaya tekaan atau agakannya dapat dibandingkan dengan berat ganja itu yang didapati daripada ahli kimia supaya perbandingan ini dapat menunjukkan lubang atau "gap" dalam keterangan pihak pendakwa tentang barang-barang kes (iaitu ganja).

Saya tidak bersetuju dengan hujah ini. Pihak polis tidak diwajibkan menimbang ganja itu. Ganja itu adalah satu benda yang serius, yang harus ditimbangkan oleh ahli kimia yang mempunyai dacing-dacing yang saksama yang biasanya digunakan untuk perkara-perkara sains. Barang-barang kes yang dijumpai oleh Kopral Mahiyuddin dan diserahkan kepada PPP Yeow dan kedua-dua saksi itu pun mencamkan barang-barang kes itu di Mahkamah.

Mengambil kira semua keterangan daripada pihak pembelaan berhubung dengan keterangan daripada pihak pendakwa, ketiga-tiga yang tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah atas kes pendakwa dan kesemua mereka didapati salah dan disabitkan. Mereka pun dihukum gantung sampai mati dengan Mahkamah ini tidak ada pilihan lain.

Also found at [1991] 1 CLJ 285